

Transformasi Greater KL/KV capai 115 peratus KPI



Info

Usaha ROL

- **Projek ROL** dijangka siap pada tahun 2020.
- **Membabitkan 10.7km** Sungai Klang dan Gombak.
- **Berjaya meningkatkan** kualiti air (WQI) di Sungai Gombak dan Klang kepada kelas III daripada kelas IV (tidak sesuai untuk sentuhan).
- **Empat pemintas** pertama untuk menapis air dilepaskan ke sungai berjaya disiapkan;
- **Bangunan Sultan Abdul Samad**, Masjid Jamek, lokasi lama medan selera D'Tebing dan seberang stesen LRT Pasar Seni.

Usaha meningkatkan pengangkutan awam, kemudahan asas dan kehijauan di bawah program Greater KL berjaya mengekalkan bandar raya ini sebagai pusat aktiviti ekonomi global.

Transformasi Greater KL/KV mencapai 115 peratus KPI yang ditetapkan bagi 2016, khususnya perjanjian dua hala bersama Singapura bagi projek Keretapi Berkapasiti Tinggi (HSR) Kuala Lumpur-Singapura pada 13 Disember 2016 yang dijangka siap pada tahun 2026.

Projek HSR membabitkan laluan sepanjang 335 kilometer (km) di Malaysia dan 15km di Singapura itu dijangka merapatkan lagi hubungan kedua negara, meningkatkan kesalinghubungan dan kerjasama ekonomi.

Projek MRT pula mencapai penanda kemajuan penting dengan pelancaran fasa pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang pada 16 Disember 2016 yang melalui 12 stesen dari Sungai Buloh hingga Semantan.

Laluan kedua MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya sepanjang 522km dijangka memulakan perkhidmatan sepenuhnya pada suku kedua tahun 2022 dengan kapasiti penumpang harian seramai 529,000 orang.

Mandat yang diberikan kepada InvestKL untuk menarik syarikat multinasional (MNC) global seperti Fortune 500 dan Forbes 2000 bagi membuka hab serantau, inovasi dan bakat, berjaya mencapai jumlah pelaburan hampir RM9 bilion dengan lebih 5,000 peluang pekerjaan serantau.

RM2.9 bilion pelaburan

Sejak 2011, 64 MNC berjaya ditarik dengan lebih 5,012 pekerjaan dan RM2.9 bilion pelaburan direalisasikan.

Pada 2016, beberapa MNC terkemuka seperti Voith, Oracle Corporation, Novartis International, Oceaneering International INC dan China Railway Engineering Corporation (CREC) menubuhkan ibu pejabat serantau di sini walaupun dalam keadaan ekonomi global dan operasi yang mencabar.

TalentCorp berjaya menyempurnakan kontrak ikatan perkhidmatan 1,217 graduan pemegang biasiswa yang dibiayai kerajaan dengan bekerja di syarikat MNC, GLC atau syarikat yang mantap di Malaysia menerusi program Penarikan dan

Pengekalan Bakat Tajaan (STAR) pada 2016.

Melangkah ke hadapan, TalentCorp akan mempergiat usaha membabitkan golongan profesional Malaysia di luar negara dengan memanfaatkan platform digital seperti LinkedIn dengan kerjasama Kedutaan Malaysia.

Kerja pengindahan sungai yang dijalankan di bawah Projek Sungai Nadi Kehidupan (ROL) dijangka setaraf dengan projek transformasi sungai terkenal di dunia seperti Cheonggyecheon di Seoul, Korea.

ROL membabitkan kawasan warisan Kuala Lumpur, sekitar Masjid Jamek dan Bangunan Sultan Abdul Samad itu bakal mempunyai nilai ekonomi dan komersial yang tinggi.

Usaha menghijaukan bandar raya

- **Penandaan GPS** kepada 3,000 pokok.
- **Pengambilan empat** taman angkat.
- **Lebih 135,734** pokok ditanam
- **(64.9 peratus** kawasan teduh).
- **Mengurangkan suhu** persekitaran sebanyak 2.7 peratus.
- **Pembinaan laluan** pejalan kaki dan lorong basikal.